

15 OCT 2003

Koh-Veteran

VETERAN BUKAN PERLU LEPASKAN JAWATAN MEREKA SERTA MERTA, KATA KOH

PULAU PINANG, 15 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menyambut baik nasihat Perdana Menteri supaya ahli politik veteran dalam Barisan Nasional (BN) yang memegang jawatan supaya berundur dan memberi laluan kepada muka baru.

Katanya, pandangan Datuk Seri Dr Mahathir itu betul tetapi yakin bahawa beliau tidak bermaksud bahawa semua veteran perlu melepaskan jawatan mereka dengan serta merta.

Katanya, pengunduran mereka harus dibuat pada masa yang sesuai dan bukan tergesa-gesa.

Ketika bercakap kepada pemberita di Dewan Undangan Negeri di sini, beliau berkata, apabila tiba masanya, pemimpin veteran akan melepaskan jawatan mereka untuk membolehkan muka baru mengambil alih.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri itu yang disiarkan akhbar hari ini.

Koh memberi contoh bagaimana Presiden Parti Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang mahu bersara daripada jawatannya itu dua tahun lepas tidak meneruskan hasratnya itu kerana menghormati permintaan anggota parti untuk beliau terus memimpin.

Katanya, Gerakan merasakan bahawa masanya belum tiba untuk Dr Lim bersara kerana beliau masih berkemampuan, kuat dan umurnya sebaya dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan mengambil alih kepimpinan negara tidak lama lagi.

"Secara peribadi, saya juga mahu meminta beliau (Dr Lim) untuk terus memimpin parti. Bukan sekarang atau dalam masa terdekat ini untuk beliau melepaskan jawatannya," katanya.

-- BERNAMA

ZU BK